



PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN RESEARCH COLLOQUIUM 2019

**PERTIKAIAN DAN KERJASAMA DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-
SINGAPURA: IMPLIKASI TERHADAP KESELAMATAN SERANTAU**

**DISEDIAKAN OLEH:
MOHD REZWAN ABD. RAZAK**



ISI KANDUNGAN



1. PENGENALAN & PERMASALAHAN KAJIAN

- Hubungan Malaysia-Singapura terjalin seawal tahun 1824 melalui Perjanjian Inggeris Belanda yang mana Singapura adalah sebahagian jajahan takluk kerajaan Riau-Lingga pada masa itu.
- Singapura juga pernah menyertai gagasan Persekutuan Tanah Melayu bersama negeri-negeri Melayu semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak yang membentuk Malaysia pada 16 September 1963, sebelum akhirnya membentuk sebuah negara merdeka yang baharu apabila keluar daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.
- Negara berjiran yang telah lebih 50 tahun menjalinkan hubungan diplomatik ini dilihat mempunyai masa pasang surutnya yang tersendiri.
- Bagaimanakah Malaysia-Singapura yang mempunyai konflik tuntutan wilayah dapat meneruskan hubungan diplomatik dengan negara yang menuntut kedaulatan wilayahnya?

2. OBJEKTIF KAJIAN

I

Mengkaji evolusi hubungan bilateral di antara Malaysia-Singapura

II

Menganalisa isu-isu yang menjadi pertikaian dalam hubungan Malaysia-Singapura

III

Menganalisa kepentingan kerjasama Malaysia-Singapura kepada keselamatan rantau

3. SOROTAN KAJIAN LEPAS

EVOLUSI HUBUNGAN DIPLOMASI MALAYSIA-SINGAPURA

- Kadir Mohamad (2015)
- Ganesan & Ramses Amer (2010)
- Rizal (2009)
- Rusdi (2009)
- Chandran (2007)

•Perbincangan kajian dibuat secara penerangan situasi dengan tidak mengaitkan kepada teori dan konsep hubungan antarabangsa kontemporari.

ISU-ISU PERTAHANAN DAN KESELAMATAN

- Amir (2012)
- Chin Kin Wah (2009)
- Acharya (2008)
- Md Dzahir (2004)
- Fadzil (2004)

•Penulisan memberikan penekanan kepada aspek pertahanan dalam mengekalkan hubungan diplomasi Malaysia-Singapura. Tidak menyentuh secara menyeluruh, hanya kepada suatu isu tertentu sahaja. Walaupun penulisan adalah dalam tempoh masa berbeza, tapi hanya secara umum. Acharya (2008), tidak memberikan analisis jelas mengenai hubungan saling bergantung antara ekonomi-pertahanan

PERTIKAIAN BATU PUTEH / PEDRA BRANCA

- Hamzah (2010)
- Jayakumar & Tommy Thong Bee Koh (2009)
- Anna (2009)
- Wan Siti Adibah (2008)

•Kajian yang dibuat adalah lebih kepada proses sebelum dan semasa penghakiman di ICJ berlangsung. Daripada aspek keselamatan dan pertahanan tidak dibincangkan secara khusus. Hamzah, (2010) ada menyentuh tentang kedaulatan & integrity wilayah

4. TEORI DAN KONSEP




- neo-liberalisme menjelaskan lagi bentuk kerjasama di antara negara dalam skop yang lebih luas meliputi pelbagai bidang antarabangsa seperti politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, pertahanan serta keamanan sehingga berpotensi menyebabkan timbulnya masalah sosial yang didasari kepentingan masing-masing.
- Justeru itu, bagi mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan itu, maka beberapa negara mengambil inisiatif membentuk jaringan kerjasama antarabangsa.

- sebuah instrumen polisi yang diamalkan oleh sesebuah negara dalam menjalinkan hubungan dengan sebuah negara lain

•2 bentuk regionalisme

- berdasarkan kedudukan semulajadi secara geografi yang boleh dilihat sebagai koordinasi atau kerjasama di pelbagai bidang secara ekonomi dan politik oleh negara-negara serantau
- Kerjasama yang wujud antara negara-negara tetapi tidak berdasarkan faktor geografi yang sama namun bekerjasama antara negara untuk mencapai matlamat yang sama atau menyelesaikan masalah bersama

5. METODOLOGI KAJIAN



6. HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Dalam banyak keadaan pemimpin kedua-dua buah negara dilihat sentiasa mengutamakan kepentingan nasional masing-masing dalam menjalinkan hubungan bilateral dan kerjasama lainnya. Kepentingan nasional tersebut merupakan sesuatu yang tiada kompromi bagi Malaysia dan Singapura apatah lagi melibatkan integriti wilayah, pembangunan ekonomi dan juga kestabilan politik dalam negara.

Tunku Abd. Rahman (1957-1970)

- Membawa masuk Singapura kedalam Malaysia
- Mengisytiharkan perpisahan Singapura pada 9 Ogos 1965

Tun Abd Razak Hussein (1970-1976)

- Menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia
- Memberi penekanan kepada dasar berkecuali Malaysia

Tun Hussein Onn (1976-1981)

- Dasar menghormati negara-negara jiran dan menggalakkan jalinan hubungan baik melalui kesepakatan bersama
- Hubungan Malaysia-Singapura menjadi bertambah baik

Tun Dr. Mahathir (1981-2003)

- Berlaku insiden pertikaian yang melibatkan kepentingan nasional ke dua buah negara
- Pertikaian terbahagi kepada 2 1. berlaku sebelum Dr.Mahathir; 2. semasa Dr. Mahathir menjadi PM

Tun Abdullah (2003-2009)

- Pembinaan jambatan baharu menggantikan Tambak Johor
- Penggunaan ruang udara Johor oleh RSAF

Najib Razak (2009-2017)

- Projek HSRL Malaysia-Singapura 2026

6. HASIL DAPATAN KAJIAN

(samb...)

Daripada analisa yang dibuat adalah didapati terdapat tiga pertikaian utama Malaysia-Singapura yang belum berkesudahan;

1. Kedaulatan Tubir Selatan, ruang udara dan sempadan maritimnya yang belum ditentukan pemilikannya;
2. Tarik tali dalam perundingan harga air sehingga tamat perjanjian pada 2061;
3. Prospek pembinaan HSRL yang menghubungkan Malaysia-Singapura – dijadual mula operasi pada 2026.

Kerjasama Malaysia-Singapura dilihat membantu ke arah keselamatan rantau

KESIMPULAN

Interaksi dalam hubungan Malaysia-Singapura adalah bersifat persaingan dengan mengutamakan kepentingan nasional negara masing-masing yang sesekali menimbulkan pertikaian namun ditangani secara diplomasi meliputi kerjasama dalam bidang ekonomi, politik, pertahanan dan sosio-budaya.

ASEAN yang dianggotai Malaysia-Singapura dianggap sebagai platform untuk menjalinkan hubungan kerjasama Malaysia-Singapura dalam pelbagai bidang.